

**Kedai Rakyat 1Malaysia Pemangkin Amalan Jimat Cermat
Bernama
19 Julai, 2012
Oleh Fadzli Ramli**

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Kedai Rakyat 1Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak lebih setahun lalu mampu menjadi pemangkin bagi memupuk amalan berjimat cermat di kalangan rakyat.

Melalui konsep ini, ia secara tidak langsung dapat membudayakan semula amalan berjimat cermat dan berbelanja mengikut kemampuan.

Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang terletak di Stesen LRT Kelana Jaya merupakan titik permulaan kepada inisiatif hasil ilham Najib sendiri dalam menyediakan barangan harian dengan harga lebih rendah daripada pasaran bagi keperluan rakyat terutamanya bagi berpendapatan rendah dan sederhana.

Sejak inisiatif itu dilancarkan pada 22 Jun tahun lalu, lebih 30 KR1M dibina di seluruh negara, malah terdapat kesinambungan terhadap KR1M dengan menjual barangan lain dengan harga lebih rendah seperti Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia, dengan yang terbaru Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M) dan akan datang Kedai Buku Rakyat 1Malaysia.

Di sebalik kejayaan inisiatif itu untuk rakyat, mereka perlu memahami dengan lebih mendalam inisiatif daripada buah fikiran Najib itu, bukan hanya setakat memahami kedai berkonsep 1Malaysia 'jual barang murah' malah konsep itu mampu membantu seluruh rakyat termasuk mereka yang berpendapatan tinggi dalam mengamalkan budaya jimat cermat yang agak dilupakan kebelakangan ini.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia, Datuk Moehamad Izat Emir berkata beliau tidak menafikan kedai dan juga pasar raya mewah membantu dalam meningkatkan pelaburan dan ekonomi, namun katanya berbelanja di kedai berkonsep 1Malaysia dapat mengelakkan pembaziran terhadap perkara yang tidak perlu.

"Bila beli barang berjenama apa kita dapat sama dengan kedai lain, malah di KR1M kualiti barang setanding dengan barang berjenama lain.

Jadi apa terjadi kita membayar harga jenama dan kos promosi barang itu," katanya.

Beliau berkata kedai berkonsep 1Malaysia tidak akan menjejaskan peniaga lain di kawasan tersebut kecuali kepada peniaga yang tamak dan sering mengambil kesempatan terhadap rakyat.

"Kedai 1Malaysia mempunyai objektif sama, jual barang dengan keuntungan minimum. Ini sebenarnya cara perniagaan bagus kerana barang jadi murah dan lebih ramai datang beli, seterusnya perniagaan makin bertambah.

"Tetapi bagi peniaga yang selalu nak untung banyak memang terjejas kerana barang mereka mahal, tetapi jika peniaga berkenaan ambil konsep keuntungan minimum tadi saya percaya mereka boleh maju seiring dengan kedai 1Malaysia itu," katanya.

Realitinya dewasa ini semakin ramai rakyat yang boros berbelanja, malah terdapat laporan baru-baru ini generasi muda di negara ini muflis akibat terlalu boros berbelanja menggunakan kad kredit.

Malah, Pensyarah Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Laily Paim dalam satu temu bual Jun lepas berkata jumlah mereka yang muflis itu akan terus meningkat sekiranya golongan tersebut tidak dapat mengawal diri ketika berbelanja.

Maka amalan jimat cermat ini perlu dibudayakan semula secara agresif dan kedai berkonsep 1Malaysia merupakan satu pemangkin penting ke arah usaha ini.

Pengerusi Biro Ekonomi dan Pembangunan Usahawan Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Sohaimi Shahadan berkata berbelanja di kedai 1Malaysia mampu memupuk perbelanjaan yang lebih berhemat di kalangan rakyat.

"Bila berbelanja di kedai 1Malaysia ini rakyat akan 'terbiasa' membeli barangan yang murah dan seterusnya dapat mengajar mereka berbelanja mengikut keperluan sahaja. Ini juga mengajar mereka berbelanja ikut kemampuan sahaja," katanya.

Beliau berkata produk 1Malaysia yang dijual di KR1M merupakan barangan yang dikawal harganya oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta vendor yang terlibat.

"Bila barangan ini dipantau dan dikawal harganya tidak sewenang-wenang naik turun, tidak seperti barangan berjenama yang terdedah dengan persaingan dengan jenama lain di pasaran," katanya.

Mengulas berkenaan isu persaingan dengan kedai lain, beliau berkata KR1M sepatutnya dilihat sebagai satu alternatif kepada keperluan rakyat bukan ancaman terhadap peniaga kecil dan tempatan.

"KR1M menjual barangan dengan jenamanya tersendiri, ada sedikit barangan jenama lain namun bukan sebagai utama tetapi pelengkap. Kedai lain jual barangan jenama lain, jadi ini bukan persaingan tetapi alternatif kepada pengguna," katanya.

Sohaimi memohon kepada semua pihak agar tidak mempolitikkan kedai berkonsep 1Malaysia, sebaliknya bersama bekerjasama dengan kerajaan dalam memberikan yang terbaik demi rakyat.

"Kedai ini telah 'tumbuh' seluruh negara dan terbukti telah membantu rakyat, saya minta pembangkang jangan main kedai ini sebagai politik untuk meraih undi populariti.

"Segala sudut mereka persoalkan, kualiti barang dan sebagainya. Hentikan budaya cari salah orang untuk kepentingan sendiri, lebih baik beri cadangan membina untuk meningkatkan usaha ini untuk rakyat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681832>

